

Anda berhak untuk berasa **selamat** di rumah



Queensland
Government

Keganasan rumah tangga dan keluarga tidak boleh diterima di Australia. Tidak kira siapa anda atau anda berasal dari mana, keganasan rumah tangga dan keluarga boleh memberi kesan ke atas sesiapa sahaja dan wujud di dalam setiap komuniti.

Sekiranya anda mengalami penderaan, atau berasa takut di rumah anda, itu bukan salah anda. Anda tidak perlu berasa malu atau segan.

Hubungan yang sihat adalah mempercayai, menyokong dan selamat. Tiada sesiapa yang harus takut dengan orang lain di dalam keluarga mereka.

Bantuan ada disediakan. Sekiranya anda berasa tidak selamat, anda boleh meminta pertolongan. Apabila anda memerlukan sokongan, hubungi:

**Kecemasan (Polis atau Ambulan)
Tiga Kali Kosong (000)**

Sekiranya seseorang berada dalam bahaya.

**Talian bantuan 24 jam untuk wanita
(Sambungan DV) (DVConnect) 1800 811 811**

Nasihat dan sokongan percuma dan sulit bagi wanita yang mengalami keganasan di rumah.

**Perkhidmatan Sokongan Wanita Imigran
07 3846 3490**

Kaunseling dan nasihat untuk wanita berlatarbelakangkan bukan penutur bahasa Inggeris.

**Talian bantuan untuk lelaki
(Sambungan DV) (DVConnect)
1800 600 636**

Bantuan secara sulit untuk lelaki yang mengalami masalah perhubungan dan keluarga.

**Talian Hayat
131 114**

Sokongan jika anda mengalami krisis peribadi pada bila-bila masa siang atau malam.



Interpreter

Untuk akses kepada penterjemah dalam bahasa anda hubungi **13 74 68**.

Budaya tidak pernah menjadi alasan kepada keganasan rumah tangga dan keluarga.

www.qld.gov.au/domesticviolence

Keganasan Rumah Tangga dan Keluarga berlaku apabila seseorang dalam perhubungan menggunakan kuasa mereka untuk mengawal, menyalahguna atau menakutkan pasangan mereka. Ia merangkumi pelbagai bentuk dan biasanya berlaku di dalam hubungan di dalam keluarga atau di rumah.

Adakah pasangan anda, ahli keluarga atau orang yang menjaga anda menggunakan atau mengancam salah satu jenis penderaan berikut?

Penderaan kewangan

- › mengambil wang yang anda peroleh atau berhak ke atasnya (faedah Centrelink)?
- › tidak memberikan wang yang cukup kepada anda atau untuk keperluan anak-anak anda?
- › memantau dan mengawal barang yang anda beli?
- › menghalang anda daripada mendapatkan pekerjaan?

Penderaan fizikal

- › menolak, memukul, meletakkan tangan mereka di sekitar leher anda, menendang atau membaling objek ke arah anda?
- › menghalang anda daripada mendapatkan rawatan perubatan atau makanan dan air yang mencukupi?

Penderaan seksual

- › memaksa atau menekan anda melakukan perbuatan seks yang anda tidak mahu lakukan (walaupun dalam perkahwinan)?
- › mengancam untuk mencederakan anda sekiranya anda tidak mahu melakukan hubungan seks?

Penderaan lisan

- › mencaci maki atau menggunakan bahasa yang menyinggung perasaan anda?
- › mengaib, mengkritik atau menghina anda, terutamanya di khalayak ramai?

Penderaan emosi dan psikologi

- › membuat anda berasa tidak berharga, malu, tidak berdaya, tertekan atau takut?
- › mengancam untuk membahayakan fizikal anda, anak-anak, ahli keluarga atau haiwan peliharaan anda?
- › menahan pasport anda atau mengancam akan menghantar keluar dari Australia?
- › mengancam untuk meninggalkan anda atau membawa anak-anak anda pergi?
- › mengawal apa yang anda pakai, tonton dan/atau baca?

Penderaan budaya dan spiritual

- › memalukan anda kerana budaya atau kepercayaan spiritual atau amalan anda?
- › menghalang anda daripada menggunakan bahasa pilihan anda dan pergi ke acara kebudayaan atau keagamaan?
- › menggunakan kepercayaan agama atau budaya sebagai alasan untuk mencederakan anda atau memaksa anda melakukan perkara yang anda tidak mahu lakukan?
- › membuat ugutan sekiranya mas kahwin tidak dibayar?

Penderaan sosial

- › mengawal tempat anda pergi, mengawal siapa yang anda jumpa, atau mengunci anda di rumah atau menghalang anda daripada berjumpa keluarga dan rakan anda?
- › memantau panggilan telefon anda dan media sosial (cth. Facebook, Instagram)?
- › menjadi posesif dan cemburu jika anda bercakap dengan orang lain?

Sekiranya mana-mana perkara ini berlaku kepada anda, ini adalah keganasan rumah tangga dan keluarga.